

13/01/1997

Sekolah satu sesi wajar dilaksanakan

Mohd Fuad Razali

ISU yang agak hangat diperkatakan kebelakangan ini ialah mengenai persekolahan satu sesi dengan waktu yang dilanjutkan dari jam 8 pagi hingga 4 petang.

Cadangan melanjutkan waktu persekolahan itu mula menjadi bahan perdebatan ramai sejak 1994 lagi apabila Kementerian Pendidikan buat pertama kalinya mengumumkan hasrat berkenaan. Malah, persidangan mengenai perkara yang sama yang dibuat di Genting Highlands pada tahun yang sama turut mencapai persetujuan ramai.

Bagaimanapun, cadangan itu mendapat tentangan hebat daripada orang ramai. Kerajaan Johor dan Selangor adalah antara yang kuat menentang cadangan itu atas alasan menjejaskan perjalanan kelas agama yang diadakan pada waktu petang untuk pelajar.

Perkara itu turut dibahasakan di dalam Perhimpunan Agung Umno 1994 yang kemudian diikuti dengan pengumuman oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa kerajaan menolak cadangan mewujudkan sekolah satu sesi selepas mengambil kira pendirian rakyat, terutama ibu bapa yang mahu anak mereka ada waktu untuk mengikuti pendidikan agama Islam.

Kemudian isu itu senyap seketika sehinggalah awal tahun ini apabila Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin mengumumkan mengenai rancangan melaksanakan projek perintis di 28 sekolah menengah di seluruh negara.

Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres) meminta Kementerian Pendidikan menangguhkan pelaksanaan itu sebelum perkara dan masalah yang mereka bangkitkan diselesaikan.

Perkara yang dibangkitkan ialah mewartakan masa bertugas rasmi bagi guru, menambah peruntukan kewangan per kapita tahunan, penambahan peruntukan bagi Rancangan Makanan Tambahan Sekolah, kemudahan bilik darjah yang mencukupi, kemudahan tempat ibadat, kemudahan tempat rehat dan riadah, kemudahan rumah guru yang mencukupi, bilangan guru dan kakitangan sokongan yang mencukupi serta menyelaraskan urusan berkaitan Kelas al-Quran dan Fardu Ain serta kelas agama petang.

Presidennya, Muhammad Mustapha, berkata Kongres bukan membantah cadangan itu tetapi meminta Kementerian Pendidikan membuat kajian terperinci mengenai kesan baik dan buruknya serta mengatasi masalah yang disenaraikan kerana mungkin boleh menjejaskan dan menggagalkan program itu.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) juga lantang mengenai isu ini. Presidennya, Abu Bakar Shawkat Ali akhir tahun lalu menghantar memorandum kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, supaya pelaksanaan projek perintis sekolah satu sesi dibatalkan.

Memorandum itu mengandungi beberapa rasional pembatalan projek perintis itu, termasuk pelbagai kesan negatif terhadap proses pembelajaran pelajar dan bebanan terhadap ibu bapa.

Antara alasan yang diberikan termasuklah tempoh yang panjang dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang boleh menyebabkan pelajar mengalami masalah terlalu penat sehingga mengganggu tumpuan pembelajaran mereka. Mereka bimbang tekanan yang berterusan pada peringkat umur yang muda menjejaskan kesihatan dan kecergasan pelajar.

Seperti juga Kongres mereka juga bimbang kerana kemudahan prasarana di sekolah masih belum mencukupi manakala ibu bapa pula terpaksa menanggung tambahan beban kos seperti menyediakan duit belanja lebih banyak untuk kegunaan anak mereka yang hampir sehari suntuk berada di sekolah.

Bagaimanapun, perjumpaan dan dialog bersama Dr Wan Mohd Zahid, Jumaat lalu, nampaknya berjaya mengubah pendirian kesatuan itu. Keesokannya, Setiausaha Agungnya, N Siva Subramaniam mengumumkan KPPK bersetuju dengan projek perintis dilaksanakan di 28 sekolah sahaja seperti yang sudah diumumkan.

Bagaimanapun KPPK mahu guru tetap bekerja selama lima hari seminggu dan waktu mengajar tidak harus melebihi waktu mengajar yang ada sekarang.

Namun begitu, Dr Wan Zahid dalam sidang akhbar bersama KPPK Sabtu lalu menyatakan garis panduan mengenai pelaksanaan projek perintis itu sudah siap, cuma menunggu untuk dimurnikan sahaja, termasuk mengambil kira pandangan terkini daripada pihak kesatuan.

Berdasarkan pengumuman awal oleh Dr Wan Mohd Zahid tempoh sekolah berkenaan, termasuk sekolah berasrama penuh, beroperasi adalah anjal selama tujuh setengah jam setiap hari dengan syarat waktu persekolahan tidak bermula lewat daripada jam 8 pagi, di samping diberi pelepasan pada Sabtu dan Ahad kecuali untuk kegiatan secara sukarela.

Di samping itu, kegiatan kokurikulum akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada jadual waktu pengajaran dan pembelajaran sekolah satu sesi. Pelaksanaannya akan diselia oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan kementerian itu.

Ketika ini, waktu persekolahan harian adalah di antara lima hingga lima setengah jam dan bermula dari jam 7.30 pagi.

Menurutnya, secara konsepnya pelaksanaan sekolah satu sesi bertujuan menambah waktu kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Jadual waktu sedia ada di sekolah adalah terlalu padat menyebabkan pelajar menghadapi masalah kesuntukan masa untuk memanfaatkan sepenuhnya waktu kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Beliau memberi contoh pelajar memerlukan masa mencukupi untuk menjalankan uji kaji di makmal secara lengkap ketika mengikuti pembelajaran Sains, di samping mempelajari cara menggunakan perpustakaan secara berkesan untuk mencari maklumat kerana ada kalangan mereka didapati tidak pandai membuat rujukan di perpustakaan apabila memasuki universiti.

"Oleh itu, kita perlu berbuat sesuatu supaya masa pembelajaran di sekolah dapat dilanjutkan. Sebelum ini, projek sekolah satu sesi tidak dapat diadakan kerana ada kekangan tertentu seperti masalah kekurangan bilik darjah," katanya.

Sebenarnya cadangan untuk melaksanakan sekolah satu sesi dengan lanjutan masa sudah dimasukkan dalam agenda Sasaran Kerja Utama Kementerian Pendidikan. Malah dalam Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh tahun lalu dinyatakan dengan jelas kerajaan akan melaksanakannya tetapi secara progresif supaya pelaksanaan kegiatan kurikulum dan kokurikulum dapat dijalankan secara lebih teratur dan tersusun.

Bagaimanapun kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan tetap melaksanakan sistem itu diikuti dengan persetujuan KPPK untuk menerima projek perintis itu sudah tentu membuka ruang kepada pelaksanaannya.

Tanpa penyusunan semula kemudahan dan masa belajar, sudah pasti objektif program pendidikan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan tenaga manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, memiliki nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik, seperti dinyatakan dalam RM-7 itu sukar dicapai.

Seperti pernah dinyatakan oleh Dr Wan Zahid, kita tidak perlu takut kepada sekolah satu sesi dengan alasan jangka masa yang panjang menyebabkan guru terpaksa berada di sekolah sepanjang hari. Beliau yakin masalah itu boleh diatasi.

Menurut Dr Wan Zahid, dari segi perspektif guru, sekolah satu sesi hendaklah dilihat sebagai langkah berkesan dalam usaha Kementerian

Pendidikan menyediakan kemudahan, kebajikan dan kesempurnaan bagi guru-guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Perkara ini sangat berasas memandangkan banyak masalah yang dihadapi guru, pelajar dan ibu bapa berikutan pelaksanaan persekolahan dua sesi seperti diamalkan di kebanyakan sekolah sekarang.

Satu contoh kecil ialah ada guru sesi petang yang merungut kerana tidak melihat kelibat guru dan guru penolong kanan lain, selain penyelia petang sehingga seminggu suntuk!

Mengenai kelas agama waktu petang, kelas ini tidak membabitkan pelajar menengah. Oleh itu, mungkin ada kewajarannya melaksanakan sistem ini di peringkat sekolah menengah.